

Headline	Polis dalam Majlis Kawal Selia Umrah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	14	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	456 cm <sup>2</sup>
Journalist	Syed Azwan Syed Ali	AdValue	RM 15,658
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,974



## KES JEMAAH UMRAH TERKANDAS

# Polis dalam Majlis Kawal Selia Umrah

» Usaha kerajaan tangani peningkatan penipuan pakej ke Tanah Suci

Oleh Syed Azwan Syed Ali,  
Suhaila Shahrul Annuar  
dan Noor Atiqah Sulaiman

■ Sepang

**P**enubuhan Majlis Kawal Selia Umrah yang masih dalam peringkat perbincangan di Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan perlu membabitkan wakil daripada Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Pengerusi Biro Kebajikan UMNO yang juga Pengerusi Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, ini kerana penipuan pakej umrah adalah kes jenayah komersial.

### Tangani penipuan umrah

Katanya, cadangan penubuhan majlis kawal selia umrah yang turut membabitkan wakil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Tabung Haji, persatuan agen pelancongan, adalah sebahagian usaha kerajaan bagi menangani penipuan umrah yang semakin kritikal.

"Penubuhan majlis kawal selia umrah ini akan diputuskan Kementeri-

an Pelancongan," katanya sebelum menyambut ketibaan 121 jemaah umrah yang dibawa pulang ke Malaysia selepas terkandas sejak 1 Jun lalu di Madinah, di sini, semalam.

Jemaah umrah itu adalah sebahagian daripada 268 jemaah yang dikendalikan sebuah agensi pelancongan dari Perak yang gagal menguruskan penerbangan pulang kesemua jemaah terbabit, yang mengerjakan umrah sejak 21 Mei lalu.

BH sebelum ini melaporkan peningkatan kes penipuan umrah di negara ini sehingga Bahagian Pelesenan Pelancongan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan mengadakan mesyuarat khas bagi membincangkan cadangan penubuhan Majlis Kawal Selia Umrah, hujung bulan lalu.

### Ambil tindakan lanjut

Mengulas lanjut mengenai 121 jemaah umrah yang terkandas, Abdul Azeez berkata pihaknya menyerahkan kepada kementeri-

an berkenaan untuk mengambil tindakan lanjut ke atas agensi pelancongan terbabit.

Ditanya adakah beliau menyifatkan apa yang berlaku ke atas jemaah umrah itu sebagai penipuan, Abdul Azeez berkata pihaknya tidak akan membuat sebarang andaian.

"Kita mempunyai kuasa ke atas syarikat mengendalikan haji, tapi tidak dalam pengendalian umrah," katanya turut menafikan laporan Tabung Haji akan menyenaraihitamkan syarikat terbabit.

Beliau bagaimanapun menasihatkan kepada orang ramai supaya tidak mudah percaya dengan harga pakej umrah yang kurang daripada RM4,500 yang ditawarkan oleh mana-mana agensi.

Abdul Azeez memaklumkan kos membawa pulang kesemua jemaah umrah yang terkandas sebanyak RM1,750 seorang itu ditanggung UMNO selepas Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Razak, mengarahkan kesemua jemaah terbabit dibawa pulang.

"Perdana Menteri arah bawa balik, tanpa kira apa pegangan atau fahaman politik mereka," katanya.

Headline	Polis dalam Majlis Kawal Selia Umrah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	14	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	456 cm <sup>2</sup>
Journalist	Syed Azwan Syed Ali	AdValue	RM 15,658
Frequency	Daily	PR Value	RM 46,974

“**Orang ramai jangan mudah percaya dengan harga pakej umrah yang kurang daripada RM4,500 yang ditawarkan oleh mana-mana agensi”**

**Abdul Azeez Abdul Rahim ,**  
Pengerusi Tabung Haji



Abdul Azeez **menenangkan Johari Chik**, 69, ketika menyambut ketibaan 121 jemaah umrah yang terkandas di Madinah sejak 1 Jun lalu di KLIA, semalam. [FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]